

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan membenarkan syarikat E-Hailing yang menggunakan motosikal beroperasi di Malaysia terutama di Kuala Lumpur seperti Go-Jek yang popular di Indonesia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut analisa yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), risiko pengguna motosikal untuk terlibat dalam kemalangan maut dan kemalangan yang mengakibatkan cedera parah adalah 42.5 kali lebih tinggi daripada penumpang bas dan 16 kali lebih tinggi daripada pengguna kereta. Kementerian Pengangkutan bimbang sekiranya kenderaan motosikal dibenarkan untuk tujuan perkhidmatan teksi atau *ehailing* seperti yang terdapat di Indonesia dan Thailand, ia akan mengakibatkan lebih ramai pengguna jalan raya terdedah kepada risiko kemalangan maut dan kecederaan parah.

2. Keselamatan pengguna jalan raya adalah keutamaan kita. Kadar kemalangan jalan raya dan statistik pengguna jalan raya yang terlibat dalam kemalangan maut di Malaysia masih berada pada tahap yang membimbangkan. Pada tahun 2017, seramai 6,740 nyawa terkorban

dalam kemalangan jalan raya di Malaysia iaitu bersamaan 18 kematian setiap hari. Kerajaan bertekad untuk melaksanakan pembaharuan dasar agar keselamatan jalan raya dapat dipertingkatkan dan bilangan nyawa yang terkorban dan cedera dapat diturunkan ke tahap yang menghampiri piawaian negara-negara maju.

3. Justeru itu, memandangkan penggunaan teksi atau *ehailing* motosikal akan meningkatkan pendedahan risiko kemalangan jalan raya kepada lebih ramai pengguna jalan raya setiap hari, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk membenarkan teksi motosikal beroperasi pada masa ini.

4. Untuk menyelesaikan masalah kilometer terakhir (*last mile connectivity*) kerajaan akan menumpukan usaha pada memperluaskan rangkaian *feeder bus* dan juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan supaya infrastruktur pejalan kaki dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.